

10 OCT 2002

Mahathir-Kerakyatan (Bergambar)/I

KERAJAAN KAJI BERI KERAKYATAN KEHORMAT, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan sedang mengkaji kemungkinan memberi kerakyatan kehormat kepada orang asing yang ingin datang dan bekerja di Malaysia serta memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Beliau berkata langkah itu adalah sebagai mengiktiraf sumbangan mereka kepada Malaysia.

"Banyak negara memberi kerakyatan kepada sesetengah orang yang memberi sumbangan kepada kesejahteraan, kita juga sedang memikirkan untuk berbuat seperti itu," katanya kepada pemberita selepas membuka seminar "Belajar Dari Korea" di Pusat Konvensyen Sunway di sini.

Dr Mahathir berkata pada masa ini banyak orang asing yang mahu tinggal di Malaysia semata-mata kerana mereka menyukai negara ini.

Apabila ditanya bila dasar itu akan dilaksanakan, Perdana Menteri berkata kerajaan masih lagi mengkaji perkara itu.

"Saya tidak tahu sama ada kita perlu membuat pindaan kepada undang-undang atau tidak, tetapi kita perlu mengadakan peruntukan yang sewajarnya," katanya.

Ditanya sama ada kerakyatan kehormat itu akan juga diberikan mereka yang menyumbang dalam bidang bukan bercorak ekonomi, Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin mengadakan kelonggaran mengenai perkara itu.

"Kita boleh beri kelonggaran, kita akan lihat sama ada mereka boleh melakukan sesuatu yang baik bagi Malaysia," katanya.

Pada masa ini Malaysia membenarkan warga asing yang terpilih untuk tinggal di negara ini untuk tempoh sehingga dua tahun mengikut program "Silver Hair."

"Malah di sini pun kita membenarkan mereka mendapat (status) pemastautin tetap jika mereka melabur sejumlah tertentu wang," kata beliau.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata cadangan Malaysia untuk memberi kerakyatan kehormat itu berbeza dengan pogram migrasi Australia.

Setakat ini kerajaan belum memikirkan sama ada akan menentukan kuota bagi jumlah warga asing yang hendak diberikan kerakyatan kehormat itu.

Perdana Menteri menimbulkan perkara itu apabila menjawab soalan daripada peserta seminar itu semasa sesi dialog.

Seorang peserta telah bertanya sama ada kerajaan akan bersikap lebih responsif dengan memberikan taraf pemastautin tetap kepada ahli perniagaan Korea yang berminat untuk tinggal dan bekerja di Malaysia.

Sebagai menjawabnya Dr Mahathir berkata Malaysia bersedia untuk mengkaji kes demi kes dan akan menerima warga asing jika ada merit untuk berbuat demikian.

"Memanglah kami akan merasa sukacita dan bersikap lebih responsif jika orang luar ingin datang dan mempunyai sesuatu untuk ditawarkan," katanya.

Malaysia sentiasa menyambut baik sesiapa sahaja yang ingin datang dan memulakan perniagaan dengan rakyat tempatan, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AFY MFJ NMO